

SOALAN NO. 443

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[Bachok]**

TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan alasan kelewatan pembayaran bantuan bulanan masih dilaporkan banyak berlaku di Kelantan. Adakah siasatan telah dilakukan sekiranya wujud elemen penyelewengan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mempertingkatkan lagi proses penyampaian perkhidmatan kepada golongan yang memerlukan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan bantuan dapat dilaksanakan dengan cekap, cepat dan berkesan.

Dalam hal ini, JKM menetapkan bahawa semua urusan bayaran bantuan bulanan kepada penerima bantuan dibuat pada 1 haribulan setiap bulan di semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian (PKMD/J/B). Bagi memastikan penerima mendapat bayaran mengikut tarikh yang ditetapkan, baucar disediakan sebulan lebih awal agar pembayaran dapat dilakukan pada waktunya. Bayaran bantuan kebajikan

pula disalurkan terus ke akaun bank penerima atau dibayar di pusat-pusat bayaran secara berkelompok atau di rumah penerima.

Tidak dinafikan pernah berlaku kelewatan pembayaran bantuan di Kelantan. Namun, hasil siasatan mendapati kelewatan ini bukan berpunca daripada penyelewengan tetapi berpunca daripada masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan dimana sistem Jabatan mengalami masalah dan menyebabkan kelewatan pengeluran baucer bayaran dan seterusnya mengakibatkan proses bayaran bantuan tidak dapat dibuat mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, JKM memandang serius perkara ini dan langkah-langkah penambahbaikan sentiasa dilaksanakan agar perkara sama tidak berulang dan kualiti penyampaian perkhidmatan JKM kepada kumpulan yang memerlukan dapat dipertingkatkan.

NO. SOALAN: 444

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY

RUJUKAN : 9774

SOALAN:

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status siasatan berkenaan kes kematian dalam tahanan yang melibatkan Arwah Azri Bin Mohamed. Apakah kemajuan proses inkues oleh Pejabat Pendakwaraya.

JAWAPAN:

Pihak polis telah menjalankan siasatan kes kematian Azri bin Mohamed berkait Semporna Repot 1230/13. Kes berkenaan masih dalam siasatan dan pihak polis masih menunggu laporan *post mortem* kali kedua yang diadakan. Kementerian juga tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut berkenaan kes ini kerana dikhawatiri boleh mengganggu siasatan yang sedang dijalankan.